

14 JUL 2002

Siva-Caruman

60,000 KAKITANGAN AWAM DIKECUALI BAYARAN FAEDAH KEPADA KWSP

KUALA TERENGGANU, 14 Julai (Bernama) -- Hampir 60,000 kakitangan awam di seluruh negara yang telah mengeluarkan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk membeli rumah boleh menarik nafas lega kerana kerajaan menghapuskan bayaran faedah yang dikenakan terhadap caruman yang telah dikeluarkan itu.

Presiden Cuepacs Datuk N Siva Subramaniam berkata, perkara itu terkandung dalam pekeliling yang dikeluarkan Kementerian Kewangan kepada semua jabatan perkhidmatan awam tiga bulan lalu.

Cuepacs gembira dengan keputusan kerajaan itu selepas beberapa siri perbincangan diadakan sebelum ini dalam menangani masalah itu yang dianggap membebankan kakitangan awam.

"Semasa mengeluarkan caruman, mereka keluarkan semua jumlah yang ada tetapi bila bersara, baki yang dikeluarkan perlu dibayar balik dan faedah yang dikenakan ialah dari tarikh caruman dikeluarkan.

"Oleh itu dengan keputusan ini, pencarum hanya terpaksa membayar caruman KWSP yang terlebih dikeluarkan," katanya kepada Bernama di sini, petang ini.

KWSP menetapkan kadar faedah kepada pencarum berkenaan antara 4 dan 8 peratus berdasarkan kadar dividen yang dibayar setiap tahun.

Pada masa ini terdapat seramai 950,000 orang berkhidmat dengan kerajaan di seluruh negara.

Siva berkata dengan keputusan itu, ia telah menjimatkan wang kakitangan kerajaan berkenaan kira-kira RM1 juta dan menyifatkan perkembangan itu sebagai sesuatu yang sangat mengembirakan.

Menurut beliau pihaknya berterima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan yang telah membuat satu keputusan yang tepat dan mencerminkan timbang rasa beliau terhadap kakitangan awam.

Sementara itu dalam perkembangan lain, beliau berkata kerajaan berjanji untuk mengambil tindakan terhadap pemaaju perumahan yang mengenakan denda terhadap kakitangan awam yang terlewat membuat bayaran pembelian rumah melalui skim pinjaman yang disediakan.

"Kami beranggapan amatlah tidak wajar kakitangan awam dikenakan denda itu kerana ia bukan disebabkan kesalahan mereka tetapi masalah teknikal lain yang berkaitan dengan perbankan.

"Oleh itu pemantauan terhadap perkara itu mestilah dilakukan demi membela nasib kakitangan awam daripada teraniaya," katanya.

-- BERNAMA

AYB SN PR